

KEMPEN CNY 2019: PENGGUNAAN KAD KREDIT & DEBIT

TEMPOH KEMPEN

“KEMPEN CNY 2019: PENGGUNAAN KAD KREDIT & DEBIT” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) bermula pada 15 Januari 2019 pada 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada 3 March 2019 pada 23:59:59 jam (11:59 mlm), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diumumkan dalam atau diberitahu sebaliknya.

Kempen ini termasuk Promosi A dan Peraduan Facebook.

TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut:-

KEMPEN PENGGUNAAN KAD KREDIT & DEBIT (“PROMOSI A”)

KELAYAKAN PROMOSI A

1. Promosi A ini bermula pada 15 Januari 2019 pada 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada 28 Februari 2019 pada 23:59:59 jam (11:59 mlm), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi A”), melainkan diberitahu sebaliknya dan ia terbuka kepada Pemegang Kad Kredit Utama yang baharu dan sedia ada dan Pemegang Kad Debit Utama HLB (“Pemegang Kad HLB”) termasuk semua Kad Kredit/Debit Hong Leong Mach sedia ada yang dikeluarkan oleh HLB (“Kad-kad HLB”) yang tidak dikecualikan daripada menyertai Promosi A ini seperti yang ditetapkan dalam Fasal 2 di bawah (“Pemegang Kad Layak HLB”).
2. Pemegang Kad Layak Promosi A tidaklah termasuk golongan berikut:
 - (a) Pemegang Kad yang memiliki Kad HLB yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
 - (b) Pemegang Kad yang akaun Kad-kad HLB mereka TIDAK berkedudukan baik, tidak aktif, dipautkan kepada Akaun Semasa atau Akaun Simpanan (“CASA”) yang telah ditutup atau tidak aktif atau yang melanggar mana-mana terma dan syarat akaun Kad Kredit dan/atau Debit dan/atau CASA HLB/ Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen;
 - (c) Pemegang Kad yang akaun Kad HLB mereka dipercayai telah dikendalikan secara tipu, menyalahi undang-undang dan/atau Kad-kad HLB mereka tidak sah atau dibatalkan menurut takrif HLB pada bila-bila masa dalam Tempoh Kempen sehingga berakhirnya pemenuhan syarat; dan/atau
 - (d) Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB/ HLISB atau telah diisytiharkan mufliis atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

KAEDAH PROMOSI A

3. Pemegang Kad Layak Promosi A akan berpeluang mendapat Pulangan Tunai 8% tertakluk kepada perbelanjaan minimum RM18 setiap Perbelanjaan Runcit dalam 3 hari berturut-turut (“Tetingkap”).

Had Pulangan Tunai untuk setaip Tetingkap bagi Pemegang Kad Layak HLB ialah RM15 atas dasar siapa cepat, dia dapat and dana Pulangan Tunai dihadkan ke RM1,000,000 sepanjang Tempoh Kempen (“Pemenang”).

Untuk kejelasan, hanya 1 Perbelanjaan Runcit dengan amaun yang tertinggi yang diuruskan paling tinggi akan diambil kira setiap hari untuk mengira, tanpa mengira Kad Hong Leong digunakan oleh Pemegang Kad HLB yang Layak. Perbelanjaan Runcit mesti diurusniagakan dan dipaparkan dalam Tempoh Promosi.

4. Perbelanjaan Runcit Promosi A yang dibuat oleh Pemegang Kad Kredit Tambahan di bawah akaun HLB Pemegang Kad Kredit Utama juga akan dimasukkan dalam pengiraan kelayakan Pemegang Kad Kredit Utama untuk menerima Pulangan Tunai.
5. “Perbelanjaan Runcit Promosi A” bermaksud pembelian runcit yang dilakukan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan/atau mata wang lain di tempat jualan atau bersemuka (kehadiran kad) di pusat runcit berkenaan yang telah berjaya dicaj kepada Kad-kad HLB. Perbelanjaan Runcit Promosi A yang dibuat dalam mata wang selain RM akan ditukar kepada dan dikira dalam RM berdasarkan kadar penukaran yang ditentukan oleh HLB pada masa urus niaga.

Bagi mengelakkan keraguan, Perbelanjaan Runcit Promosi A **TIDAK TERMASUK** yang berikut ini:

- a) Sebarang perbelanjaan runcit mengenai pembayaran berulang atau auto-bil;
- b) Pengeluaran tunai melalui apa jua cara (iaitu Mesin Juruwang Automatik [ATM], kaunter, kuasi-tunai, dll.);
- c) Produk portfolio seperti Pindahan Baki (BT), Call-For-Cash Plus (CFC Plus), Call-For-Cash (CFC) dan Pelan Pembayaran Fleksi (FPP);
- d) Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
- e) Apa-apa bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan, yang dikenakan oleh HLB.

PEMENUHAN PROMOSI A

6. Akaun Kad HLB Pemenang Promosi A mestilah sah / aktif, berkedudukan baik pada masa pemberian Pulangan Tunai itu; jika tidak dia akan terlucut kelayakannya daripada menerima Pulangan Tunai dalam Promosi A.
7. Pulangan Tunai akan dikreditkan dalam masa lapan (8) minggu setelah tamatnya Tempoh Promosi. Pemenang Promosi A berkewajipan memaklumkan HLB sebelum 15 Mei 2019 secara bertulis sekiranya tidak menerima Pulangan Tunai, jika tidak Pemegang Promosi A dianggap telah dapat Pulangan Tunai tersebut dan sebarang rayuan/permintaan untuk bayaran ganti Pulangan Tunai tidak akan dilayani.
8. Pengumuman Pemenang Promosi A (contoh, nama dan nombor MyKad / pasport (“KP”) dalam bentuk terlindung) akan dilakukan dalam Laman Web HLB dalam masa lapan (8) minggu setelah tamatnya Tempoh Promosi.

PERADUAN FACEBOOK (“PERADUAN”)

TEMPOH PERADUAN

9. “Peraduan Facebook” HLB (“Peraduan”) bermula pada 21 Januari 2019 pada 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada 3 Mac 2019 pada 23:59:59 jam (11:59 mlm), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Peraduan”), melainkan diberitahu sebaliknya.

KELAYAKAN PERADUAN

10. Peraduan terbuka kepada Pemegang Kad Kredit Utama dan Pemegang Kad Debit Utama HLB yang baharu dan sedia ada termasuk semua Kad Kredit/Debit Hong Leong Mach sedia ada yang dikeluarkan oleh HLB (“Kad HLB”) yang tidak dikecualikan daripada menyertai Peraduan ini seperti ditetapkan dalam Fasal 2 di atas (“Pemegang Kad Layak Peraduan”).
11. Pemegang Kad Layak Peraduan tidak meliputi kakitangan HLB dan HLISB sama ada secara tetap atau kontrak, kakitangan mana-mana wakil atau ejen HLB dan HLISB (termasuk juruaudit luar, vendor, pembekal, ejen pengiklanan dan ejen peraduan) dan ahli-ahli keluarga terdekat masing-masing (contoh, pasangan, anak-anak, ibu atau bapa, adik-beradik).

KAEDAH PERADUAN

12. Tiada pendaftaran diperlukan untuk menyertai Peraduan ini. Untuk menyertai Peraduan ini, Peserta hendaklah untuk mengambil gambar / video mereka mencuba sesuatu yang baru (pergi ke gim / membaca buku baru / dll.) - mesti bersesuaian dan sesuai) dan mereka memuat naiknya di akaun Facebook mereka dengan menggunakan hashtag yang ditetapkan - #HLBGongXiCashBack (“Hashtag”) selama 3 hari berturut-turut semasa Tempoh Peraduan untuk mengemaskini kemajuan. Untuk kejelasan, TIGA (3) gambar / video yang berbeza perlu diposkan secara berasingan pada TIGA (3) hari berturut-turut. Peserta dikehendaki mengikuti laman Facebook HLB dan tetapan pos gambar/ video itu dikehendaki berada di bawah pandangan umum.
13. Peserta yang telah menyelesaikan tindakan yang dinyatakan dalam Klausula 12 di atas semasa Tempoh Peraduan (“Peserta yang Layak”) akan berpeluang untuk memenangi Hadiah Tunai RM800 (“Hadiah Tunai”) dan akan dihubungi menerusi peti masuk Facebook dan / atau utusan Agensi yang dilantik oleh HLB, Seven Pounds Creative Sdn. Bhd. (945673-E) (“SevenPounds”) di bawah profil Facebook yang dipanggil “Gong Xi Cash Back”.
14. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dengan ini memberikan persetujuan mereka kepada HLB dan / atau SevenPounds dan memberi kuasa kepada SevenPounds untuk menghubungi mereka untuk tujuan pemenuhan Hadiah Tunai. Ini tidak mengehadkan kepada Pesanan Peribadi mereka tetapi juga Peserta yang Layak bersetuju untuk memberikan nama penuh seperti ID Malaysia, nombor ID, nombor telefon dan alamat e-mel dalam tempoh 24 jam dari masa pertama dihubungi.
15. HLB tidak dipertanggungjawabkan terhadap mana-mana muat naik yang tidak berjaya di Laman Facebook Peserta untuk apa jua sebab, atau muat naik yang mengandungi sebarang sentimen

perkauman, profaniti, pakaian kasar atau sebarang elemen lain yang dianggap tidak diaplikasikan oleh HLB atau disebabkan oleh sambungan teknikal atau internet yang dialami oleh Para Peserta dalam menggunakan Facebook mereka sendiri (termasuk tetapi tidak terhad kepada ketidakpatuhan kriteria seperti yang diperuntukkan dalam Klausula 14 di atas).

16. Peserta yang Layak boleh menyertai lebih dari 1 Garis Masa Peraduan yang ditetapkan di bawah:

Minggu	Garis Masa Peraduan	Pengumuman Pemenang Hadiah Tunai melalui Facebook HLB
1	21 Januari – 27 Januari 2019	1 Februari 2019
2	28 Januari – 3 Februari 2019	8 Februari 2019
3	4 Februari – 10 Februari 2019	15 Februari 2019
4	11 Februari – 17 Februari 2019	22 Februari 2019
5	18 Februari – 24 Februari 2019	1 Mac 2019
6	25 Februari – 3 Mac 2019	8 Mac 2019

PEMILIHAN PEMENANG HADIAH TUNAI DAN PEMENUHAN HADIAH TUNAI

17. SEPULUH (10) Pemenang Hadiah Tunai untuk setiap Garis Masa Peraduan akan dikeluarkan dalam fasa mengikut jadual yang dinyatakan dalam Klausula 16 di atas. Secara keseluruhannya, akan ada ENAM PULUH (60) pemenang Hadiah Tunai sepanjang Tempoh Peraduan.

18. Pemenang Hadiah Tunai akan dipilih berdasarkan sistem pemilihan rawak berkomputer dan dihubungi oleh SevenPounds untuk sesi soal dan jawab ("Q & A") sesi untuk menjawab satu (1) soalan ("Peserta Terpilih"). Peserta Terpilih dengan jawapan yang betul akan dianggap sebagai pemenang Hadiah Tunai ("Pemenang Hadiah Tunai").

19. Sebanyak tiga (3) percubaan akan dibuat oleh SevenPounds untuk menghubungi Peserta Terpilih pada bila-bila masa dari Isnin hingga Jumaat dari pukul 9:00 pagi hingga 6:00 petang. Rekod-rekod percubaan HLB dan / atau SevenPounds untuk Peserta Terpilih adalah muktamad mengenai perkara ini.

20. Sekiranya HLB dan / atau SevenPounds tidak dapat menghubungi Peserta Terpilih selepas tiga (3) percubaan, Peserta Terpilih akan hilang kelayakan dari Peraduan dan akan kehilangan peluang untuk memenangi Hadiah Tunai.

21. HLB berhak untuk menghubungi Peserta Terpilih seterusnya sebagai pengganti untuk Q&A.

22. Pemenang Hadiah Tunai dikehendaki mencalonkan Akaun CASA yang dipegang dengan HLB di bawah nama Pemenang Hadiah Tunai sendiri ("CASA Dinamakan") untuk tujuan mengkreditkan Hadiah Tunai. Pemenang Hadiah Tunai yang tidak mempunyai Akaun CASA dikehendaki membuka Akaun CASA (tertakluk kepada permohonan biasa dan proses kelulusan) untuk tujuan Hadiah Tunai sebelum 30 April 2019, yang gagal Hadiah Tunai akan dilucutkan dan sebarang rayuan untuk pembayaran balik Hadiah Tunai tidak akan dilayan oleh HLB.

23. Pemenang Hadiah Tunai juga dengan ini memberi persetujuan dan kebenaran kepada HLB untuk mendedahkan atau menerbitkan nama, nombor Kad Pengenalan (secara tersembunyi) atau gambar di media, pemasaran dan bahan pengiklanan untuk tujuan Peraduan.

UMUM

24. Dengan menyertai Kempen dan/atau Peraduan ini, Pemegang Kad Layak dan/atau Peserta:

- (a) Bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit/Debit yang boleh disemak di Laman Web HLB;
- (b) Bersetuju bahawa semua rekod transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang terdapat dalam sistem HLB dalam Tempoh Kempen dan/atau Tempoh Peraduan ini adalah tepat dan muktamad;
- (c) Bersetuju bahawa keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad Layak Promosi A dan/atau Peserta. Sebarang rayuan dan / atau surat-menyurat tidak akan dilayani;
- (d) Bersetuju bahawa sebarang pembalikan transaksi akan dikecualikan;
- (e) Bersetuju bahawa Pulangan Tunai dan/atau Hadiah Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barangan;
- (f) Bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Kempen ini, untuk memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat Kempen ini dan untuk membuat susulan dengan HLB jika mereka telah disenaraikan untuk layak menerima Pulangan Tunai;
- (g) Memberi keizinan kepada HLB untuk mendedahkan nama, nombor kad pengenalan (dalam bentuk terlindung) dan/atau foto mereka dalam Laman Web HLB; dan
- (h) Membenarkan HLB untuk mendedahkan maklumat peribadi mereka iaitu nombor telefon kepada SevenPounds atas budi bicara HLB bagi tujuan Kempen ini.

25. HLB berhak:

- (a) Menolak atas budi bicara mutlaknya mana-mana permohonan Kad Layak yang dikemukakan tanpa memberi sebarang sebab;
- (b) Melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak dan/atau Peserta atas budi bicara mutlaknya daripada menyertai Kempen ini;
- (c) Menolak kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak Promosi A dan/atau Peserta atas apa jua sebab sekalipun yang difikir wajar menurut budi bicara mutlaknya. Khususnya, HLB mempunyai hak mutlak menolak kelayakan Pemegang Kad Layak Promosi A dan/atau Peserta yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit menurut pengertian Terma & Syarat ini, dengan cara atau pola yang menurut HLB adalah di luar kebiasaan, di luar aturan dan / atau menunjukkan suatu percubaan untuk beroleh kelebihan yang tidak adil atas Pemegang Kad Layak Promosi A dan/atau Peserta lain yang mempunyai cara atau pola perbelanjaan yang biasa/teratur, dan keputusan HLB dalam hal ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad Layak Promosi A dan/atau Peserta;
- (d) Melupakan dan/atau menolak balik Pulangan Tunai dan/atau Hadiah Tunai dalam keadaan apabila berlaku pembalikan Perbelanjaan Runcit atau penamatan Kad-kad HLB semasa Tempoh Kempen dan/atau Peraduan dan/atau pada masa pemberian Pulangan Tunai dan/atau Hadiah Tunai terdapat ketidakpatuhan Terma & Syarat di dalam ini;
- (e) Meminda jumlah Pulangan Tunai dan/atau Hadiah Tunai dan/atau mengganti Pulangan Tunai dan/atau Hadiah Tunai di dalam ini dengan hadiah lain yang sama nilainya atas budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang

dianggap wajar oleh HLB, untuk membolehkan notis awal diberi kepada Pemegang Kad Layak Promosi A dan/atau Peserta; dan

- (f) Menambah, menggugurkan atau meminda Terma & Syarat di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini, menurut budi bicara mutlaknyanya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh HLB, untuk membolehkan notis awal diberi kepada Pemegang Kad Layak Promosi A dan/atau Peserta tentang perkara menambah, menggugurkan atau meminda Terma & Syarat atau penamatan Kempen ini.

26.HLB tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab terhadap kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran dan / atau pemprosesan transaksi jualan oleh Visa international Incorporated, MasterCard Worldwide, syarikat Peniaga, penyedia perkhidmatan pos atau mana-mana pihak yang mungkin menyebabkan Pemegang Kad Layak Promosi A dan/atau Peserta tertinggal daripada Kempen dan / atau Kempen ini.

27.HLB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan, kerugian dan / atau kerosakan Pemegang Kad HLB dan/atau Peserta daripada menyertai Kempen ini.

28.Akaun Pemegang Kad Layak Promosi A dan/atau Peserta mestilah sah/aktif, berkedudukan baik dan mestilah tidak melanggar mana-mana Terma & Syarat Kempen dan/atau Peraduan ini, dan/atau Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit/Debit pada masa pemberian Pulangan Tunai dan/atau Haidah Tunai. Bagi mengelakkan keraguan, Pulangan Tunai dan/atau Haidah Tunai akan dikreditkan ke Pemegang Kad Layak Promosi A dan/atau Peserta akaun Kad Kredit Hong Leong sebagai pemenuhan akaun utama jika Pemegang Kad Layak Promosi A dan/atau Peserta memiliki akaun-akaun Kad Kredit Utama/ Kad Debit Utama HLB.

29.Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak dan/atau Peserta bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

30.Selain terma-terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad Layak dan/atau Peserta bersetuju bahawa Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit/Debit hendaklah dibaca bersama-sama Terma & Syarat di dalam ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini dengan Terma dan Syarat Am Perjanjian Kad Kredit/Debit, maka terma-terma tertentu di atas hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

31.Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen dan/atau Peraduan ini, maka terma dan syarat muktamad yang dipaparkan dalam Laman Web HLB hendaklah diutamakan.